

Meningkatkan Kekemasan Tulisan Murid-Murid Pemulihan Khas Dalam Penulisan Rumi Menggunakan Kit “Doratin

Chia Mei Yin^a, Ismail Saliyan^a, Tan Si Ting^a, Mohamad Khairul Amin Mohammad^b, Nor Aishah Abdul Aziz^c

^aInstitut Pendidikan Guru (Kampus Temenggung Ibrahim)

^bInstitut Pendidikan Guru Malaysia (Kampus Rajang)

^cYayasan Pelajaran Johor (KYPJ)

*Corresponding author: ^aismail_saliyan1973@yahoo.com.my, ^caishah.abdulaziz94@gmail.com.my

Abstrak

Penulisan antara alat berkomunikasi yang penting. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji murid-murid pemulihan khas (slow learner) yang telah menguasai kemahiran penulisan tetapi tidak kemas. Kajian dilaksanakan di salah sebuah sekolah kebangsaan di Senai, Kulaijaya, Johor. Kaedah pemerhatian, temubual, soal selidik, kajian dokumen, sebelum intervensi dan selepas intervensi digunakan. Kajian ini memanfaatkan Hierarki Pembelajaran Gagne (1985) pada fasa pembelajaran gerakbalas dan pembelajaran kemahiran psikomotor. Ia juga memanfaatkan kajian Mohd Khairul Amin et.al (2012) lalu dinamakan Kit “Dorating” bertujuan meningkatkan kekemasan tulisan. Teknik ini adalah teknik bersepadu iaitu aktiviti pratulis, duduk menulis yang betul, memegang pensil dengan betul, mewarna bentuk separa bulatan dan bulatan, aktiviti membentuk huruf menggunakan “blue tack” dan “smart board”. Teknik Delphi digunakan serta dinilai oleh seorang guru cemerlang Bahasa Melayu dan Kriteria Pemberian Gred oleh Ahmad (2010). Hasil kajian mendapati tulisan murid-murid mencapai kekemasan tulisan yang baik iaitu gred A..

Kata kunci: Pemulihan Khas, Tulisan Cantik, Kit Dorating, Teknik Delphi, Kriteria Pemberian Gred

PENDAHULUAN

Kemahiran menulis amat penting untuk dikuasai oleh kanak-kanak. Untuk menguasai kemahiran ini kanak-kanak perlu didedahkan dengan beberapa kaedah dan teknik contohnya kanak-kanak diajar kemahiran pratulis, cara memegang pensil dan cara duduk semasa menulis dengan betul.

Kemahiran menulis, membaca, mengira dan menaakul asas yang sangat penting untuk dikuasai oleh murid-murid. Kemahiran menulis diperlukan dalam semua mata pelajaran di sekolah. Tulisan yang tidak kemas menyukarkan guru menyemak hasil kerja murid. Begitu juga murid pemulihan yang mempunyai masalah dalam kemahiran menulis seperti saiz tulisan yang tidak sekata, jarak di antara perkataan, kecondongan huruf. Dalam mengkaji murid-murid pemulihan didapati terdapat kesalahan pada tulisan murid sendiri dan mereka membaca secara tidak betul. Keadaan ini terjadi kerana apa yang ditulis adalah tidak sama dengan lembaran kerja yang diberi untuk ditulis oleh mereka. Selain itu posisi badan semasa menulis dan cara memegang pensil oleh murid diperhatikan semasa menjalankan pengajaran dan pembelajaran kerana mempengaruhi tulisan mereka. Roskos, Christie dan Richgels (2003) bacaan awal banyak disokong oleh penulisan. Sekiranya murid tidak dapat menulis dengan kemas, mereka pasti tidak boleh membaca dengan lancar.

Kamarudin (2010), pelajaran menulis dan membaca bukanlah sesuatu yang terpisah sifatnya malah seharusnya dijalankan serentak. Semasa menulis, murid-murid juga akan membaca apa yang telah ditulis untuk pemahaman tetapi, tulisan yang tidak kemas boleh menjejaskan pembacaan seseorang murid. Walaupun kecanggihan teknologi telah mengurangkan keperluan berkomunikasi melalui tulisan tangan, namun tulisan tangan masih penting untuk murid-murid yang berpendidikan sekolah rendah. Tanpa tulisan yang mudah dibaca, murid-murid tidak dapat berkomunikasi dengan baik dalam masyarakat.

Kemahiran menulis perlu dikuasai oleh murid-murid secara berperingkat mengikut kesediaan dan keupayaan mereka. Murid-murid perlu bersedia dari segi kemahiran motor halus iaitu kemahiran mengawal otot-otot jari dan juga pergerakan jari bebas meneroka, jika diajar berdikari lebih awal akan lebih cepat memperoleh kemahiran manipulatif kerana mereka berpeluang menggunakan tangan dan jari mereka untuk melakukan pelbagai aktiviti seperti makan, memakai pakaian dan bermain (Sharifah, Siti Hazlifah, 2012). Oleh itu, peringkat awal murid-murid perlu ditekankan kemahiran pratulis dan awal tulisan. Kemahiran menulis, satu kemahiran penting yang perlu dikuasai oleh murid-murid merentasi kurikulum

LATAR BELAKANG

Kertas kerja ini satu kajian tindakan, dilaksanakan ada tiga orang murid pemulihan di Daerah Kulaijaya. Ia berbentuk kualitatif, segala perlakuan dan aktiviti responden dalam skop kajian dicatat semasa di dalam kelas. Selain itu pengkaji telah melaksanakan pemerhatian secara terus semasa kajian dilakukan ke atas responden, gerakbalas responden diambilkira.

Kemahiran menulis amat penting dalam kehidupan seharian. Hasnah dan Habibah (2010), kemahiran menulis merupakan keupayaan murid menulis perkataan, ayat serta mengeluarkan idea melalui pelbagai jenis penulisan yang berkaitan dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman peribadi dengan menggunakan ayat yang gramatis, tanda baca, ejaan yang betul, tulisan yang jelas, cantik dan kemas. Tujuan kajian ini dilakukan untuk membetulkan tulisan murid pemulihan yang lemah kepada baik. Kajian ini memanfaatkan hierarki pembelajaran Gagne (1985) iaitu pada salah satu fasa pembelajaran berlaku gerakbalas dan pembelajaran psikomotor serta Mohd.Amin et.al (2012) yang diubahsuai dinamakan *Kit Dorating*. *Kit Dorating* untuk meningkatkan tahap kekemasan tulisan. Kaedah ini merangkumi aktiviti pratulisan, cara duduk dengan betul, memegang pensil dengan betul, mewarna dalam bentuk-bentuk bulatan yang disediakan, aktiviti membentuk huruf menggunakan *Blue Tack*, penggunaan *Smart Board*. Aktiviti mewarna dalam bentuk-bentuk bulatan digunakan kerana dalam tulisan rumi banyak berbentuk bulat dan separa bulat, secara tidak langsung akan membetulkan tulisan murid-murid menjadi baik.

OBJEKTIF KAJIAN

Mampukah *Kit Dorating* meningkatkan tahap kekemasan tulisan murid-murid pemulihan dalam penulisan rumi.

METODOLOGI

Pemilihan murid-murid menerusi ujian diagnostik. Ujian sebelum intervensi dan intervensi ke atas respondendilaksanakan dan menggunakan *Kit Dorating*. *Kit Dorating* ialah satu set bahan yang digunakan semasa intervensi untuk membantu murid.

Kemahiran pertama ditekankan kepada responden ialah pratulis diikuti cara murid tersebut duduk dengan betul semasa menulis, cara memegang pensil dengan betul semasa menulis, penggunaan *Alphabet Smart Board* untuk meningkatkan minat dalam menulis dengan kemas dan cantik, penggunaan *Blue Tack*.

Pratulis menerusi sambungan titik-titik di atas kertas, melukis di udara, menulis di atas permukaan air dan lain-lain. Membentuk huruf menggunakan *Blue Tack* dengan cara menggental *Blue Tack* membentuk huruf dapat merangsang dan meningkatkan kemahiran motor halus h8). Begitu juga kemahiran mewarna dalam bulatan yang melibatkan pergerakan motor halus perlu dipupuk supaya murid-murid mudah melentur jari-jemari mereka ketika menulis. Teknik ini akan memberi impak yang positif terhadap tulisan murid untuk sentiasa mengawal pergerakan tangan supaya jangan melebihi garisan bulatan.

Dalam artikel *Painting Helps Develop Coordination* (<http://www.artsz.org>) menyatakan bahawa lukisan dan mewarna adalah kemahiran yang dapat membantu kanak-kanak menggunakan sepenuhnya tangan mereka. Aktiviti ini dapat membantu kanak-kanak meningkatkan tahap kawalan ke atas koordinasi tangan mereka kerana setiap pergerakan tangan mereka akan mempengaruhi tulisan yang dibentuk.

Nabilah dan Mangaleswaran (2012) menyatakan keperluan perkembangan motor halus yang melibatkan kemahiran motor halus penting di peringkat awal.

Pemerhatian secara terus, temubual secara terbuka ke atas responden dilakukan sebelum intervensi dan selepas intervensi. Ujian penilaian juga dilakukan menggunakan penilaian guru pakar Bahasa Melayu dan Kriteria Pemberian Gred oleh Ahmad Durani (2010).

Elliot dan Adelman (1976) berpendapat kajian jenis ini penting dalam bidang pendidikan menyelesaikan masalah yang dihadapi dalam kelas kita sendiri. Ia merupakan satu pendekatan gabungan murid dan guru seterusnya mempertingkatkan profesionalisme pendidik.

PROSEDUR

- (1) Pengkaji ke sekolah untuk mendapat kebenaran kajian.
- (2) Ujian penilaian ke atas tulisan murid sebelum dan selepas intervensi untuk mengetahui tahap tulisan.
- (3) *Sample* tulisan tersebut diambil dan disimpan di dalam rekod pengkaji untuk dibuat perbandingan pada akhir
- (4) *Kit Dorating* digunakan iaitu kemahiran pratulis di-perkenalkan kepada murid, cara duduk yang betul, dan cara memegang pensil dengan betul.
- (5) Pengkaji memberikan tiga set lembaran kerja dengan menerapkan kemahiran pratulis seperti menyambung titik-titik dan membentuk tulisan.
- (6) Pengkaji memperkenalkan kepada murid teknik mewarna dalam bulatan.
- (7) Memberikan lembaran dalam pelbagai corak sekali sekali sekala serta meminta murid untuk mewarna dengan menggunakan teknik bulatan yang dipelajari. Pelbagai corak diberi untuk mengelakkan kebosanan murid tersebut. Pengkaji juga menampal lembaran kerja di kelas untuk menyuntik minat murid untuk terus belajar dan membetulkan tulisan.
- (8) Menggunakan *Blue Tack* membentuk huruf-huruf untuk mengaktifkan visual, auditori, kinestetik dan

tekstil.


- (9) Menggunakan Smart Board murid bebas menulis dan mudah dipadam.
- (10) Penilaian kedua dibuat ke atas tulisan murid seterusnya penilaian ketiga ke atas tulisan murid.
- (11) Perbandingan tulisan dibuat diantara tulisan sebelum intervensi dan selepas intervensi.
- (13) Pengkaji bertemu guru cemerlang Bahasa Melayu untuk mengesahkan sama ada tulisan baik, sederhana atau lemah.
- (14) Temubual terbuka bersama responden.

DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Penilaian dibuat untuk menentukan kekemasan tulisan murid. Tulisan ketiga-tiga responden disimpan oleh pengkaji untuk dibuat perbandingan iaitu sebelum intervensi dan intervensi. Pada akhir kajian pengkaji telah mengambil contoh tulisan ketiga dan dibandingkan dengan tulisan yang pertama. Dapatan kajian disahkan oleh guru cemerlang Bahasa Melayu. Responden pertama analisis ujian sebelum intervensi mendapat gred B, responden kedua sebelum intervensi mendapat gred B dan responden ketiga sebelum intervensi mendapat gred C. Semasa intervensi responden pertama, kedua dan ketiga mendapat gred A (Ahmad Durani, 2010). Dapatan akhir menunjukkan tulisan murid-murid dari lemah (gred C) seorang kepada kriteria Baik (gred A) manakala dua lagi responden dari sederhana (gred B) kepada baik (gred A)..


Ketiga-tiga responden seronok menggunakan Kit *Dorating* kerana ada gambar pensil, duduk dan mewarna apabila ditemubual.

Penilaian Pertama – Responden pertama sebelum intervensi




Ulasan guru cemerlang : Kecondongan tulisan, perkataan terlalu rapat, huruf-huruf terlalu dekat, huruf menyerupai huruf lain. Gred B dalam semua aspek

Penilaian Pertama- Responden kedua sebelum intervensi



Ulasan guru cemerlang: Aspek kecondongan tulisan, Perkataan terlalu rapat, huruf-huruf terlalu dekat. Gred B dalam semua aspek


Penilaian Pertama – Responden ketiga sebelum intervensi



Ulasan guru cemerlang : Gred C dalam semua aspek


Keseluruhan hasil tulisan responden ketiga, tulisan terlalu condong dan jarak antara perkataan dengan perkataan dan huruf dengan huruf ditulis dengan rapat. Terdapat juga kesalahan huruf dalam tulisan mereka.

Penilaian Ketiga – Responden pertama selepas intervensi




Ulasan guru cemerlang : Gred A dalam semua aspek iaitu kecondongan tulisan, perkataan terlalu rapat, huruf-huruf terlalu dekat dan huruf menyerupai huruf lain.

Penilaian Kedua – Responden kedua selepas intervensi



Ulasan guru cemerlang : Gred A dalam semua aspek.

Penilaian Ketiga- Responden ketiga selepas intervensi



Ulasan guru cemerlang : Gred A dalam semua aspek

KESIMPULAN

Kajian ini menunjukkan pengajaran dan pembelajaran pelbagai cara perlu dicari dan digunakan sesuai dengan tahap pencapaian murid. Zuraidda et.al (2003) menyatakan, satu proses pengajaran dan pembelajaran akan terlaksana dengan baik apabila proses tersebut bermakna dan berkaitan dengan pengalaman yang biasa dilalui atau dialami. Kit Dorating dapat membantu dalam meningkatkan tahap kekemasan tulisan murid-murid dalam tulisan rumi. Montessori dalam Mohamad, Siti Khadijah, Siti Hidayu et.al (2010) kanak-kanak memperoleh suatu pembelajaran

yang bermakna dan menyeronokkan sekiranya sesi pengajaran dan pembelajaran mereka diterapkan dengan unsur main yang terarah.

RUJUKAN

- Ahmad Durani (2010). Memperbaiki Kekemasan Tulisan Murid Tahun Tiga Melalui Kaedah Penulisan Berperingkat. Seminar Penyelidikan Tindakan 2010 IPGKBL (BM Pendidikan Rendah)
- Elliot, Adelman (1991). Action Research For Education Change, Buckingham: Open University Press.
- Gagne, R. (1985). Condition of Learning. New York: Holtt, Rinehart and Winston.
- Hasnah Awang, Habibah Mohd. Samin (2010). Literasi Bahasa Melayu. Selangor : Kumpulan –Budiman Sdn. Bhd.
- <http://www.artsz.org/artists/kids-and-art/> (2009). Painting Helps Develop Coordination. Dimuat turun
- <http://www.scrib.com/doc/51290178/10/main-dan-kanak-kanak>. Mohamad Khairul et.al (2010).
- Kamaruddin Husin (2010). Psikologi Pembelajaran, Kuala Lumpur: Utusan Publication Sdn. Bhd.
- Khas. Prosiding Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam UTM
- Main dan kanak-kanak. Dimuat turun pada 7 Februari 2013.
- Mohd. Amin et.al (2012). Mengatasi Masalah Tulisan Buruk Dalam Penulisan Rumi, Murid Pemulihan
- Nabilah Jumal, mangaleswaran Annamalai (2012). Meningkatkan Tahap Penglibatan Murid-Murid Prasekolah Terhadap Pembelajaran Slot Tematik Melalui Aktiviti Motor Halus. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan,2(5).
- Pada 7 Februari 2013.
- Roskos,K.A.,Christie, J. F., Richgels,D.J. (2003). The –Essentials of early literacy instruction. Washington, DC: NAEYC.
- Sharifah Saad, Siti Hazlifah Hilaluddin (2012). Penggunaan Buku Garis Empat Dengan Kaedah Line And Space Secara Bimbingan Individu Bagi Meningkatkan Kekemasan Tulisan Kanak-Kanak Prasekolah. Prosiding Seminar Penyelidikan Tindakan PISMP, 3(5).
- Zuraida Ismail et.al (2003). Pendidikan Sains Prasekolah: Pahang : PTS Publication.



KIT DORATING

Lampiran 1



KIT DORATING

Lampiran 2



Lampiran 3

Jadual 1 : Kriteria Pemberian Gred
Sumber : Ahmad Durani (2010)

Tulisan	Gred A	Gred B	GredC
Kecondongan tulisan (bukan tulisan hasil berangkai) murid terlalu condong	Baik Penghasilan tulisan murid tidak mempunyai sebarang kecondongan	Sederhana. Penulisan yang dihasilkan murid sederhana kerana masih terdapat sebarang kecondongan dalam penulisan mereka.	Lemah. Keseluruhan penulisan huruf condong dan
Perkataan terlalu rapat Keseluruhan (bukan tulisan perkataan Berangkai) penulisan rapat	Baik. Perkataan- perkataan yang dihasilkan dalam penulisan tidak Terlalu rapat	Sederhana. Masih terdapat perkataan-perkataan yang ditulis terlalu rapat dalam sesuatu penulisan.	Lemah. perkataan- dalam sesuatu ditulis dengan
Huruf-huruf terlalu Keseluruhan dekat (bukan tulisan dalam berangkai) penulisan ditulis	Baik. Keseluruhan huruf-huruf yang dihasilkan huruf-huruf yang ditulis dalam satu penulisan tidak mempunyai sebarang huruf-huruf yang terlalu dekat dan mempunyai jarak yang sesuai di antara huruf-huruf	Sederhana. Masih terdapat huruf-huruf yang ditulis terlalu dekat dalam sesuatu penulisan.	Lemah. huruf-huruf sesuatu terlalu dekat.
Huruf menyerupai Keseluruhan huruf Huruf lain- penulisan diulang dalam sesuatu	Baik. Tiada sebarang huruf yang menyerupai huruf lain dalam sesuatu penulisan	Sederhana. Masih terdapat huruf yang menyerupai huruf lain dalam sesuatu penulisan	Lemah. dalam sesuatu selalu dan kerap kesalahannya penulisan.

Jadual 2: Senarai Eksperimen Yang Dilaksanakan Bagi Tujuan Projek Inovasi Fizik

Eksperimen	Kod	Tajuk
Gelombang	P1	• Resonans pada ayunan bandul ringkas
Elektrik	P2	• Hubungan antara beza keupayaan dan arus elektrik yang mengalir melalui konduktor ohmik dan konduktor bukan ohmik • Faktor-faktor yang mempengaruhi rintangan sesuatu konduktor
	P3	• Litar sesiri dan litar selari
	P4	• Daya gerak elektrik dan rintangan dalaman satu sel kering.
Elektronik	P5	• Daya pada konduktor membawa arus dengan medan magnet • Faktor-faktor yang mempengaruhi magnitud daya saling tindakan antara konduktor membawa arus dengan medan magnet
	P6	• Mencari hubungan antara arus tapak (I_b) dan arus pengumpul (I_c) dalam transistor.